



## **KENYATAAN MEDIA**

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA**

**25 APRIL 2016**

---

### **OPERASI PEMBENIHAN AWAN BERJAYA MENGHASILKAN HUJAN DI UTARA SEMENANJUNG**

---

Operasi Pembenhian Awan (OPA) yang berpengkalan di Lapangan Terbang Subang diteruskan hari ini dengan mensasarkan kawasan utara Semenanjung dan berjaya menghasilkan hujan di kawasan berikut:

1. Empangan Timah Tasoh di Perlis;
2. Empangan Ahning, Muda dan Pedu di Kedah;
3. Empangan Air Kuning dan kawasan Bukit Larut di Perak.

Pada masa yang sama, sehingga jam 4.00 petang hari ini juga, terdapat tiga tempat yang mencatatkan bacaan suhu 37.0°C dan melebihi iaitu:

- 1) Kuala Krai 38.3C
- 2) Temerloh 37.5C
- 3) Batu Embun 37.1C

Sehingga 24 April 2016, tiga kawasan masih mencatatkan bilangan hari tanpa hujan melebihi 10 berturut-turut. Kawasan tersebut ialah Kota

Bharu dan Machang mencatatkan bilangan hari tanpa hujan paling tinggi iaitu masing-masing 22 hari diikuti oleh Kudat di Sabah dengan 14 hari.

Bilangan titik panas yang dicerap menurun kepada hanya satu yang terletak di Derah Pekan, Pahang berbanding empat titik panas yang dicerap semalam. Manakala bilangan titik panas di Sabah meningkat kepada tiga berbanding satu pada semalam. Lokasi titik panas tersebut ialah satu di Bahagian Kudat dan dua titik panas di Bahagian Sandakan. Tiada titik panas dicerap di Sarawak pada hari ini.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



---

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Malaysia  
Phone: 03-8885 8141, Fax: 03-8890 3092  
Email: [ukk.mosti@1govuc.gov.my](mailto:ukk.mosti@1govuc.gov.my)